

## KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA 2024 DARIPADA PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

### *Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024 from the Perspective of Maqasid Syariah*

Nur Kamilah Kamaruddin<sup>1a\*</sup>, Nik Nurul Akmal Ab Alim<sup>2a</sup>, Nor Azrina @ Nor Azura Ab Rahman<sup>3a</sup> dan Siti Nor Azimah Sabaruddin<sup>4a</sup>

<sup>a</sup>Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Selangor, MALAYSIA

Emel: [nurkamilah@uitm.edu.my](mailto:nurkamilah@uitm.edu.my)<sup>1</sup>

Emel: [niknurulakmal@uitm.edu.my](mailto:niknurulakmal@uitm.edu.my)<sup>2</sup>

Emel: [norazrina.abrahman@uitm.edu.my](mailto:norazrina.abrahman@uitm.edu.my)<sup>3</sup>

Emel: [sitiazimah@uitm.edu.my](mailto:sitiazimah@uitm.edu.my)<sup>4</sup>

\*Corresponding Author: [nurkamilah@uitm.edu.my](mailto:nurkamilah@uitm.edu.my)

Received: 15 July 2024

Accepted: 12 November 2024

Published: 17 January 2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no1.608>

Abstrak	Abstract
<p>Kewartawanan telah menjadi satu medium saluran berita dan maklumat rasmi kepada masyarakat. Bagi memastikan agensi media menjalankan tanggungjawab dengan baik, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah melancarkan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 bagi menggantikan kod etika wartawan lama yang telah digunakan sejak 1989. Namun, wujud keperluan kepada satu kajian bagi menentukan keselarasan antara etika kewartawanan tersebut dengan maqasid syariah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis penetapan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 menurut perspektif maqasid syariah. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen Kod Etika Wartawan 2024 secara kritis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Kajian kepustakaan turut dijalankan bagi</p>	<p>Journalism has become a key medium for official news and information channels to reach the public. To ensure that media agencies fulfill their responsibilities effectively, the Malaysian Information Department (JaPen) launched the Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024 to replace the previous code, which had been in use since 1989. However, there is a need for a study to assess the alignment between journalism ethics and maqasid syariah. In this regard, this study was conducted to analyze whether or not the Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024 aligns with the maqasid syariah perspective. To achieve the objectives of the study, the researcher employed a qualitative approach by critically analyzing the Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024 document using the thematic analysis method. Additionally, a literature review was conducted to explore research related to journalistic ethics, maqasid syariah, and methods of fiqh. The study's</p>

<p>mengkaji literatur berkaitan etika kewartawanan, maqasid syariah, dan kaedah fiqh. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua lapan etika utama dalam Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 adalah sejajar dengan matlamat syarak khususnya dalam pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Fiqh Kewartawanan, Wartawan, Kod Etika Wartawan Malaysia 2024, JaPen, Maqasid Syariah</p>	<p><i>findings show that all of the eight main ethics in the Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024 are aligned with the maqasid syariah in protecting religion, life, intellect, dignity, and property.</i></p>
	<p><b>Keywords:</b> Fiqh of Journalism, Journalists, Malaysian Code of Ethics for Journalists 2024, JaPen, Maqasid Syariah</p>

## 1. PENGENALAN

Greste (2023) mendefinisikan wartawan sebagai individu yang terlibat dalam proses mengumpul, menyusun, dan menyampaikan maklumat kepada orang awam mengikut piawaian dan etika yang diiktiraf. Definisi tersebut menjelaskan bahawa wartawan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Hal ini kerana masyarakat dapat mengetahui peristiwa yang berlaku di seluruh tempat melalui media massa yang disampaikan oleh para wartawan (Aminuddin et al., 2009). Media seperti akhbar menyebarkan berita dengan kebolehpercayaan yang tinggi dan menyeluruh (Jarvis, Stroud, & Gilliland, 2009). Oleh itu, penyampaian berita dan maklumat oleh wartawan berupaya mempengaruhi kefahaman, pemikiran dan sikap masyarakat (Aminuddin et al., 2009). Hal ini demikian kerana, maklumat tersebut bertindak sebagai asas yang mendasari tindakan ataupun sikap seseorang (Che Musa, 2014).

Di samping itu, wartawan dan media berperanan dalam membangunkan masyarakat dan negara. Ini kerana, media bukan sahaja berfungsi menyampaikan berita, bahkan media berupaya mendidik dan mempengaruhi masyarakat ke arah kebaikan atau sebaliknya (Nor Zaliza & Hamed, 2022). Lantaran itu, bidang kewartawanan merupakan wasilah kepada kemajuan masyarakat dan negara disebabkan fungsinya yang berkait dengan penyampaian maklumat, mendidik masyarakat dan menghubungkan masyarakat melalui komunikasi sosial (Hamdan, 2008). Sebagai warga yang berkeupayaan memberi pengaruh kepada masyarakat, gerak kerja wartawan mestilah berlandaskan etika yang boleh menjadi panduan kepada wartawan dalam menjalankan tugas harian dengan berdisiplin dan penuh tanggungjawab (Majlis Media Malaysia, n.d.). Hal ini bagi memastikan media bertindak sebagai sumber maklumat yang boleh dipercayai masyarakat (Jarvis, Stroud, & Gilliland, 2009). Menurut Geetali (2020), etika kewartawanan sangat penting untuk penyiaran maklumat yang betul, mencegah salah gambaran

terhadap maklumat, dan mengelakkan konflik berkepentingan oleh mana-mana pihak. Bagi mencapai tujuan ini, dunia Eropah mula memberikan perhatian kepada etika kewartawanan seawal abad ke-17 (Nor Zaliza & Hamedi, 2022).

Situasi di Malaysia pula memperlihatkan etika kewartawanan mula dibangunkan pada tahun 1989 dalam dua bentuk, iaitu Kod Perilaku Profesional yang diasaskan oleh Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) dan Tatasusila Kewartawanan Malaysia (EKM) yang dipelopori oleh Organization for Newspapers Editors (ONE) dan Malaysian Press Institute (MPI) (Nor Zaliza & Hamedi, 2022). Etika kewartawan Malaysia dibentuk berdasarkan teori tanggungjawab sosial dan merujuk kepada etika kewartawanan yang digunakan di beberapa negara luar (Majlis Media Malaysia, n.d.). Kod etika ini mendukung prinsip Rukun Negara serta menuntut wartawan mematuhi undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka (Majlis Media Malaysia, n.d.). Menurut Nor Zaliza & Hamedi (2022), etika kewartawanan tersebut mengandungi prinsip moral dan peranan wartawan yang bersesuaian dengan budaya dan perundangan di Malaysia. Namun begitu, terdapat keperluan untuk menambah baik etika kewartawanan ini agar selari dengan perubahan zaman.

Rentetan itu, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah melaksanakan pemurnian ke atas etika kewartawanan Malaysia bagi menjadikan etika tersebut komprehensif dan relevan dengan keadaan semasa (Jabatan Penerangan Malaysia, 2024). Pada 20 Februari 2024, Menteri Komunikasi Malaysia telah melancarkan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 untuk melahirkan wartawan profesional dan meningkatkan taraf agensi media selaku sumber maklumat yang berkredibiliti (Kementerian Komunikasi, 2024). Pendekatan JaPen dan Kementerian Komunikasi dalam memperkenalkan Kod Etika Wartawan 2024 mewujudkan keperluan untuk meneliti peranan kod etika tersebut dalam memelihara maqasid syariah. Hal ini kerana proses memperoleh, menganalisa dan menyampaikan maklumat oleh wartawan perlu berpaksikan kepada prinsip mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan terutamanya terhadap lima perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Aminuddin et al., 2009).

Selain itu, media komunikasi juga bertindak sebagai agen yang membantu pihak kerajaan untuk sama-sama membina masyarakat yang berakhhlak, berfikiran murni, mempunyai hala tuju yang jelas serta membentuk suasana negara yang sejahtera menurut perspektif Islam. Hasrat ini akan tercapai dengan menjadikan lima prinsip maqasid syariah sebagai dasar dalam

pembentukan etika yang melibatkan media komunikasi. Ini kerana penyampaian berita oleh wartawan bersifat mempengaruhi pandangan dan sikap masyarakat. Bagi memastikan maqasid syariah terpelihara, mesej dan maklumat yang disampaikan oleh pihak media mesti berunsur memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, bukannya meruntuhkan atau memudaratkan kelima-lima perkara tersebut (Aminuddin et al., 2009).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis penetapan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 daripada perspektif maqasid syariah seterusnya memberi kesedaran kepada wartawan terhadap kepentingan menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penelitian deskriptif diaplikasikan melalui analisis dokumen yang dijalankan ke atas Kod Etika Wartawan Malaysia 2024. Bagi menganalisis dokumen ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tematik bagi tujuan menyaring setiap kod etika wartawan kepada elemen maqasid syariah yang dikhususkan kepada aspek *daruriyyat*. Setiap kod etika ini telah dianalisis secara kritis oleh pengkaji dengan berpandukan kaedah fiqh dengan terperinci. Selain daripada itu, kajian kepustakaan turut dilaksanakan dalam meneliti literatur kajian berpandukan artikel-artikel yang telah dihasilkan berkaitan etika kewartawanan, maqasid syariah, dan kaedah fiqh.

## 3. ANALISIS KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA 2024 DARIPADA PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Islam mengiktiraf peranan wartawan dalam membentuk masyarakat yang sejahtera akal fikiran dan tindakan. Hal ini kerana tujuan utama bidang kewartawanan ialah menyampaikan maklumat kepada masyarakat berdasarkan hujah dan bukti yang sahih (Hamdan, 2008). Profesional sebagai wartawan merupakan pekerjaan yang mulia. Hal ini kerana, wartawan memenuhi fitrah manusia sebagai makhluk sosial yang memerlukan perolehan mesej dan pengetahuan melalui komunikasi (Che Musa, 2014). Dalam pada itu, fitrah tersebut perlu diraikan selari dengan lunas agama. Justeru, satu analisis telah dilaksanakan terhadap Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 berdasarkan maqasid syariah (*daruriyyat*) sebagaimana perbahasan berikut:

### 3.1 Etika Pertama: Wartawan Bertanggungjawab Menjadi Suara Masyarakat Majmuk Serta Ejen Pemudah Cara Dialog.

Kod etika ini menjelaskan peranan media sebagai penyumbang informasi

positif kepada masyarakat. Tanggungjawab ini amat penting dalam membentuk daya fikir masyarakat dan berperanan sebagai pendorong kepada diskusi sihat dan toleransi sivik (Kementerian Komunikasi, 2024). Hal ini kerana informasi yang disampaikan akan memberi kesan kepada perasaan, pemikiran dan sikap masyarakat seterusnya mempengaruhi proses perubahan gaya hidup masyarakat (Aminudin et al., 2009). Ia turut memberi penekanan kepada penyebaran ilmu bermanfaat kepada masyarakat. Penyebaran ilmu yang benar dan bermanfaat sangat dituntut dalam ajaran Islam, kerana ilmu adalah tunjang kepada pemeliharaan lima maqasid syariah *daruriyyat* iaitu pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

Sekiranya kod etika pertama ini benar-benar diamalkan oleh setiap wartawan, maka melalui kepelbagaian bentuk informasi positif yang disampaikan oleh pihak media akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap penjagaan lima maqasid syariah tersebut. Menurut Islam, informasi positif ialah informasi yang memberi kebaikan kepada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Hal ini kerana penjagaan terhadap lima perkara ini adalah dasar kepada pembentukan modal insan yang baik dan jaminan kepada kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, wartawan perlu bijak dalam menyaring informasi, agar mesej yang bakal disampaikan menyumbang kepada pemeliharaan lima maqasid syariah tersebut. Wartawan juga berkewajipan meneliti dan berhati-hati dalam memilih setiap maklumat dan berita bagi memastikan informasi yang disampaikan hanya berbentuk positif dan bermanfaat demi kemenjadian warganegara, meningkatkan pembangunan dan keamanan negara serta menjamin kehormatan agama.

Dalam memelihara lima maqasid syariah *daruriyyat*, garis panduan agama perlu diikuti untuk membimbing para wartawan dalam proses penyediaan dan penyebaran informasi. Bimbingan ini amat penting kerana ianya dapat mengawal pemikiran, sikap dan tindakan wartawan berdasarkan ajaran Islam ketika menjalankan tugas. Oleh itu, wartawan perlu berpegang kepada prinsip *al-'amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Prinsip ini harus dipegang dan diamalkan oleh wartawan ketika mengumpul dan menyebarkan maklumat supaya informasi yang disampaikan bersifat positif dan bermanfaat kepada masyarakat. Bagi memastikan pelaksanaan prinsip *al-'amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, pengamal media perlu memastikan mesej atau informasi yang disebarluaskan mempunyai nilai *al-birr* (kebaikan) dan *al-taqwa* (ketaatan mengerjakan perintah Allah) sebagaimana firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahan: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebijakan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya”.

(Surah Al-Maaidah, 5: 2)

Menurut Ibnu Kathir (2008), ayat di atas bermaksud Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman untuk sentiasa tolong-menolong dalam berbuat kebaikan, itulah yang dimaksudkan dengan *al-birr* (kebaikan). Manakala *al-taqwa* pula bermaksud meninggalkan segala bentuk kemungkaran. Allah SWT melarang orang beriman tolong-menolong dalam perkara batil, dosa, haram, kezaliman dan permusuhan. Justeru itu, pihak media perlu menjadi agen penyebar mesej *al-birr* dan *al-taqwa* dan tidak sewajarnya menjadi agen pemusnah atau perosak kepada cita-cita kerajaan dengan mendominasikan mesej yang melahirkan prinsip *al-ithm* (dosa) dan *al-'udwan* (permusuhan) (Aminudin et al., 2009).

Informasi positif yang membawa kepada pemeliharaan agama dapat dilihat melalui berita yang bersifat memelihara dan mengukuhkan pegangan aqidah, syariah dan akhlak seseorang. Ini bermakna, apa sahaja mesej yang dinilai bercanggah dengan agama serta memudaratkan pemikiran masyarakat perlu dijauhi (Aminudin et al., 2009). Contohnya, ruangan pengisian agama di akhbar memberi maklumat ringkas dan padat tentang ajaran Islam sangat membantu masyarakat, terutamanya orang awam untuk memahami Islam. Ia adalah langkah yang perlu dikekalkan bagi menjamin mesej Islam disebarluaskan secara berterusan.

Dalam aspek pemeliharaan nyawa pula, usaha wartawan dalam menyebarkan informasi positif berkaitan kesihatan, motivasi, pembinaan keluarga sejahtera, bahaya jenayah, sukan dan toleransi sivik adalah satu inisiatif yang sangat baik dalam memenuhi tuntutan agama berkait penjagaan nyawa. Contohnya mesej yang mempromosikan sikap bertolak-ansur dalam masyarakat majmuk perlu diteruskan bagi menjamin keamanan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Sebaliknya, penyampaian informasi yang boleh memudaratkan nyawa dan keselamatan masyarakat dan negara perlulah dijauhi.

Selain itu, informasi positif juga akan memberi kesan kepada maqasid syariah ketiga iaitu pemeliharaan akal manusia. Islam sangat mementingkan pemeliharaan akal, kerana melalui akal, manusia mampu menguasai makhluk

lain, meneroka alam yang luas, membezakan antara perkara baik dan buruk serta menjadi khalifah mentadbir bumi, bahkan yang paling utama, manusia dapat mengenal Penciptanya yang Maha Agung melalui akal (Abdul Mukti, 2019). Oleh itu, dalam usaha untuk meraikan pemeliharaan akal yang dituntut oleh Islam, maka manusia dituntut untuk mengisi fikiran dengan ilmu bermanfaat. Ilmu bermanfaat merupakan makanan akal yang dapat mengasah ketajaman fikiran selain dapat memperbaiki amalan. Apabila akal dibekalkan dengan ilmu yang benar, maka ia dapat memandu kehidupan manusia ke arah kebenaran (Hasbollah & Ramalinggam, 2021).

Oleh yang demikian, tanggungjawab wartawan dalam menyalurkan mesej dan informasi bermanfaat kepada masyarakat adalah selari dengan maqasid syariah pemeliharaan akal. Justeru, wartawan disarankan untuk memaparkan pelbagai berita, iklan, rancangan yang berteraskan pendidikan, pengajaran dan mesej yang menimbulkan kesedaran serta menambah ilmu. Mesej yang merosakkan intelektual malahan boleh meruntuhkan akhlak seperti mempromosikan minuman keras atau apa jua perkara yang memabukkan dan mengkhayalkan mesti dielakkan (Aminudin et al., 2009).

Kod etika pertama ini juga selari dengan maqasid syariah penjagaan keturunan dan harta. Penjagaan keturunan dan harta dapat dipelihara sekiranya informasi yang disampaikan oleh wartawan itu tidak mengandungi mesej yang boleh memberi kesan buruk kepada keturunan dan harta manusia. Pihak media perlu mengelak dan menjauhi penyebaran mesej yang merangsang nafsu syahwat yang mendorong kepada perbuatan jenayah seperti zina dan tindakan lucah. Informasi yang dipaparkan mestilah bebas daripada unsur tersebut agar pemeliharaan keturunan dapat dicapai melalui informasi positif yang disampaikan. Manakala perkongsian maklumat berkaitan kaedah mengurus harta dan menjana harta dengan betul dapat membantu masyarakat dalam aspek pemeliharaan harta. Informasi berkaitan kesalahan mengambil hak atau harta orang lain dan kesannya juga perlu diketengahkan bagi menimbulkan kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan memelihara harta. Mesej yang merosakkan harta benda yang berteraskan konsep perjudian, ekonomi kapitalis dan seumpamanya mesti ditapis dan tidak dipaparkan agar maqasid syariah penjagaan harta dapat dicapai melalui informasi yang disampaikan.

### **3.2 Etika Kedua: Wartawan Hendaklah Telus Dan Berintegriti Ketika Menjalankan Tugas.**

Kod etika kedua ini memberi penekanan terhadap ketelusan dan integriti yang perlu diamalkan oleh setiap wartawan dalam proses pengumpulan dan penyebaran maklumat. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2024), telus

bermaksud mudah difahami atau diketahui tanpa ada perkara yang tersembunyi atau kesangsian. Manakala integriti pula bermaksud nilai amanah, kejujuran dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri (Muhammad Syahir et al., 2017). Menurut Pelan Integriti Nasional 2006 (PIN 2006), integriti bermaksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral (Megat Ayop & Abd. Halim, 2016). Selain itu, integriti juga diertikan sebagai sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan lain-lain (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2022). Berdasarkan definisi integriti tersebut, dapat disimpulkan bahawa integriti ialah komitmen atau berpegang teguh dengan nilai murni dalam menjalankan tanggungjawab. Nilai murni ini diterjemah melalui sikap, tutur bicara dan tindakan seseorang ketika menjalankan tugas yang diamanahkan.

Saranan kerajaan agar setiap wartawan mengamalkan nilai telus dan integriti selari dengan tuntutan Islam dalam menjalankan tanggungjawab kerja. Islam melihat aktiviti bekerja sebagai satu aspek pragmatik yang diperlukan dalam kehidupan manusia, merupakan sumber kepuasan sosial dan keseronokan psikologi (Mohamad Zaid, 2022). Integriti adalah sebahagian daripada akhlak Islam yang merupakan manifestasi jiwa kehambaan seorang manusia dengan Penciptanya. Bukan sekadar melibatkan hubungan dengan Pencipta, pengamalan integriti ini dapat diperhatikan menerusi tindakan seseorang individu dalam interaksinya sesama makhluk (Muhamad Hafizuddin, 2021). Konsep telus dan integriti ini boleh dikaitkan dengan nilai ikhlas, kejujuran, amanah dan *itqan* (kesungguhan) dalam melaksanakan tanggungjawab kerja seperti mana yang sarankan dalam nas syarak. Islam menuntut agar penganutnya melaksanakan tugas dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT, jujur, amanah dan bersungguh-sungguh. Pengamalan terhadap nilai murni ini akan menjamin keberkatan rezeki, meningkatkan prestasi individu dan organisasi serta memberi impak positif kepada masyarakat.

Di dalam Islam, konsep integriti dikaitkan dengan keikhlasan. Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk sentiasa memelihara niat dalam setiap amalan, tindakan, atau pekerjaan. Peranan niat sangat penting dalam melaksanakan pekerjaan kerana niat akan menentukan status pekerjaan itu sebagai ibadat atau sekadar adat. Selain itu, niat juga merupakan perkara penting yang akan menentukan hala tuju setiap perbuatan kita (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2016), sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْتَّيَاتِ وَإِنَّمَا لِلْفُرْيَءِ مَا نَوَى

Terjemahan: "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat (seseorang).  
Setiap orang akan dibalas berdasarkan niatnya."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 1)

Dalam konteks pekerjaan, seorang wartawan perlu sentiasa memperbaharui niat semasa menjalankan tugas supaya tugasannya itu berpahala di sisi Allah SWT. Keikhlasan dalam menunaikan tanggungjawab kerja akan menjadikan wartawan sentiasa patuh kepada kod etika kewartawanan dan menghalangnya daripada melakukan tindakan tidak berintegriti yang boleh menjejaskan kualiti kerja sebagai wartawan. Selain itu, integriti juga boleh dikaitkan dengan nilai kejujuran, amanah dan *itqan* (kesungguhan) yang dianjurkan oleh Islam. Penghayatan terhadap nilai ini akan menjadikan wartawan lebih teliti dan tekun dalam proses pengumpulan maklumat dan penyampaian mesej yang akhirnya menatijahkan pelaporan berkualiti. Wartawan perlu menginsafi bahawa tanggungjawab menyampaikan mesej yang benar dan bermanfaat kepada masyarakat adalah amanah berat yang dipikul oleh setiap wartawan untuk membantu kerajaan mencapai dasar negara. Tanggungjawab memelihara amanah adalah perintah Allah yang perlu dipelihara sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْمِنُوا أَلَّا مَنِيتُ إِلَيْ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَيِّئًا بَصِيرًا

Terjemahan: "Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sungguh, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat."

(Surah Al-Nisa', 5: 58)

Seorang wartawan perlu sedar bahawa masyarakat berhak mendapatkan maklumat yang adil, tepat dan benar. Hal ini sangat penting kerana sesuatu informasi yang disampaikan akan memberi kesan kepada respon, tindakan, kepercayaan dan sudut pandang masyarakat terhadap sesuatu perkara. Maklumat yang tidak telus, keliru dan tidak benar akan memberi impak buruk kepada kesejahteraan rakyat dan negara, seperti perpecahan, prasangka buruk, fitnah, pergaduhan dan sebagainya.

Kementerian Komunikasi (2024) menjelaskan bahawa integriti dalam melaksanakan tugas kewartawanan dapat diaplikasikan dengan memberikan kredit kepada sumber asal salinan atau petikan daripada bahan yang telah diterbitkan sebelum ini. Ia termasuk gambar atau rakaman video yang diterima daripada pihak lain, serta segala bentuk terjemahan yang digunakan oleh wartawan dalam penghasilan laporan. Pengkaji berpandangan bahawa amalan pemberian kredit kepada kepada sumber asal perlu dipupuk dalam kalangan pengamal media kerana ia merupakan satu bentuk usaha ke arah pemeliharaan harta intelek selain menghargai usaha pemilik sumber asal. Amalan pemberian kredit kepada sumber asal perlu menjadi amalan semua wartawan untuk mengelakkan isu plagiarisme dan penipuan dalam pelaporan. Wartawan perlu sedar bahawa setiap perlakuan baik atau buruk kesemuanya akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak sebagaimana firman Allah SWT:

اُلْيَوْمَ تَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَسْهَدُ أَرْجُلُهُمْ إِمَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Terjemahan: “Pada hari ini Kami tutup mulut mereka; tangan mereka akan berkata kepada Kami dan kaki mereka akan memberi kesaksian terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan.”

(Surah Yaasin, 36: 65)

Di samping itu, penghayatan nilai telus dan integriti ini juga akan menyedarkan wartawan tentang keperluan memohon maaf dan membuat pembetulan sekiranya informasi yang disampaikan tidak benar. Islam mengajar penganutnya agar memohon maaf sekiranya melakukan kesalahan. Adalah menjadi kewajipan pengamal media untuk membuat permohonan maaf dan pembetulan kerana kesilapan menyampaikan maklumat akan memberi impak buruk kepada keamanan masyarakat. Contohnya; penyebaran fitnah, mencalarkan maruah, prasangka buruk, perpecahan, dan pergaduhan. Impak negatif sebegini bercanggah dengan konsep pemeliharaan nyawa (*al-nafs*) dan maruah manusia.

Penghayatan dan pengamalan nilai telus dan integriti yang disarankan dalam kod etika kewartawanan kedua ini termasuk dalam praktis akhlak mulia yang diperintahkan Allah SWT. Selain itu, amalan telus dan integriti ini juga merangkumi saranan agama agar jujur, ikhlas, amanah, dan *itqan* dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Kesemua ini adalah perintah syarak yang perlu dipatuhi oleh semua manusia. Oleh itu, nilai telus dan integriti ini selari dengan kehendak maqasid syariah pertama iaitu pemeliharaan agama kerana ketelusan dan integriti termasuk dalam akhlak

mulia yang diperintahkan oleh Allah SWT. Selain itu, kod etika kedua ini juga bersesuaian dengan konsep pemeliharaan nyawa dan maruah yang ditekankan dalam maqasid syariah *daruriyyat* kerana amalan ketelusan dan integriti akan membawa kepada kesaksamaan sosial, memupuk persaudaraan, keadilan, keselamatan, kestabilan kehidupan, perpaduan dan keamanan.

### 3.3 Etika Ketiga: Wartawan Digalakkan Berusaha Secara Konsisten Untuk Adil Dalam Menyampaikan Informasi.

Kod etika wartawan ketiga ini memberi penekanan kepada konsep keadilan dalam proses penyampaian informasi. Adil adalah salah satu daripada perintah Allah yang perlu dipelihara dan diamalkan bagi memastikan hak sesama makhluk dapat dipelihara bagi menjauhkan unsur kezaliman terhadap sesama makhluk. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: "Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebijakan, memberi bantuan kepada kerabat, dan Dia milarang (melakukan) perbuatan keji, kemungkaran, dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

(Surah Al-Nahl, 14: 90)

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya, tidak melakukan kezaliman, memelihara hak orang lain, dan tidak melakukan suatu perbuatan yang bertentangan dengan hikmah dan kemaslahatan (Syaiful Muhyidin, 2019). Adil juga dikaitkan dengan makna keseimbangan iaitu seimbang daripada sudut sikap dan perbuatan (Afifa Rangkuti, 2017). Keseimbangan sikap dan perbuatan dalam memberikan hak kepada sesama makhluk dan menunaikan kewajipan kepada mereka sesuai dengan nilai dan martabat mereka di sisi Allah SWT. Manakala hak manusia pula ialah hak yang diperlukan manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam masyarakat (Afifa Rangkuti, 2017).

Keadilan perlu ada dalam dunia pekerjaan atau pengurusan kerana tanpanya akan ada pihak yang merasakan dirinya teraniaya dan tertindas (Muhammad Syahir et al., 2017). Pengamal media khususnya perlu berpegang dengan prinsip adil dalam menjalankan tugas. Wartawan perlu konsisten berlaku adil dalam proses mengumpul dan menyampaikan informasi kepada masyarakat. Prinsip adil ini sangat penting untuk diamalkan oleh semua wartawan bagi

memastikan pihak media tidak menzalimi sesuatu pihak dalam proses pelaporan. Penghayatan terhadap konsep keadilan dalam etika ketiga ini selari dengan tuntutan agama iaitu pemeliharaan terhadap nyawa dan maruah manusia. Maklumat yang tidak adil akan menyebabkan sesuatu pihak tidak mendapat hak yang sepatutnya dan akan menguntungkan pihak lain dengan cara yang tidak benar. Selain kezaliman, pengumpulan dan penyampaian maklumat secara tidak adil juga akan menimbulkan masalah lain dalam masyarakat seperti menimbulkan prasangka buruk, wujudnya stereotaip negatif dan prejudis dalam masyarakat.

Kepelbagaiannya pandangan daripada pelbagai pihak perlu diraikan selagi mana ia benar dan tepat. Semasa menyediakan laporan, wartawan perlu memberikan peluang kepada semua pihak untuk memberikan pengesahan, penafian atau penjelasan terhadap maklumat berkaitan diri atau organisasi yang bakal diterbitkan (Kementerian Komunikasi, 2024). Pernyataan ini menekankan tentang pengamalan sikap saling menghormati terhadap pendapat dan pandangan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira agama, budaya, kaum dan etnik. Ia merupakan anjuran Islam bagi meraikan fitrah manusia yang mahu dihargai, didengari, menginginkan kebersamaan dan keamanan. Satu kaedah masyhur dalam kalangan ulama mantik menyebut:

إِنْ كُنْتَ تَأْقِلًا فَالصِّحَّةُ، أَوْ مُذَدِّعًا فَالذَّلِيلُ

Terjemahan: “Jika sekiranya kamu menukilkan (sesuatu) hendaklah kamu mensahihkan dahulu (berita itu), atau sekiranya kamu mendakwa hendaklah kamu menyatakan dalil atau bukti”

(Habannakah al-Maidani, 1993).

Oleh itu, sesuatu mesej atau berita yang disampaikan atau dilaporkan perlu disertakan dengan dalil, hujah dan sumber yang sahih. Sebelum menyampaikan sesuatu maklumat, menjadi kewajipan setiap pengamal media untuk memastikan sesuatu perkhabaran itu benar dan tiada unsur kezaliman bagi mengelak fitnah dan permusuhan sesama masyarakat. Justeru, setiap wartawan perlu meneliti terlebih dahulu setiap maklumat yang diterima bagi memastikan kebenarannya supaya informasi yang bakal disampaikan tersebut tidak dusta dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Selain itu, untuk memastikan etika keadilan ini dapat direalisasikan dalam tugas kewartawanan, sikap tergopoh-gapah dalam proses pencarian dan penyaluran maklumat harus dielakkan. Terburu-buru dalam menyalurkan maklumat biasanya akan menatijahkan kecuaian seperti mesej yang tidak lengkap, tidak menyeluruh, seterusnya akan membawa kesan ketidakadilan

untuk sesetengah pihak. Kaedah fiqh ada menyebutkan:

مَنْ تَعَجَّلَ شَيْئًا قَبْلَ أَوَانِهِ عُوْقِبَ بِحِرْمَانِهِ

Terjemahan: *Barangsiapa tergesa-gesa ingin mendapatkan sesuatu sebelum datang waktunya, maka ia mendapatkan hukuman dengan tidak mendapatkan apa yang ia inginkan tersebut.*

(Abdullah, 2003)

Larangan terhadap sikap dan tindakan tergesa-gesa dalam melakukan sesuatu perkara ini berkait rapat dengan kaedah *sadd az-zara'i* iaitu mencegah daripada berlakunya perkara haram yang lebih parah. Dalam konteks tanggungjawab kerja sebagai wartawan, amalan terburu-buru dalam melaporkan sesuatu laporan tanpa melalui proses penelitian sewajarnya perlu dielakkan. Hal ini akan memberi kesan ketidakadilan kepada sumber maklumat atau sesuatu pihak, seterusnya memberi konotasi dan persepsi negatif masyarakat terhadap sesuatu isu, individu atau organisasi. Oleh yang demikian, bagi memastikan penelitian maklumat dibuat tanpa tergesa-gesa dan adil, maka media perlu memberi peluang dan ruang terlebih dahulu kepada setiap pihak untuk memberi penjelasan, pengesahan atau penafian terhadap sesuatu isu atau maklumat. Tindakan ini amat penting bagi memastikan keadilan untuk semua pihak dipenuhi.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep keadilan yang dinyatakan dalam kod etika kewartawan ketiga ini selari dengan maqasid syariah pemeliharaan agama, nyawa dan maruah manusia. Keadilan adalah tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim bagi memenuhi tanggungjawab hamba kepada Pencipta. Memenuhi perintah syarak untuk berlaku adil amat penting kerana hanya melalui keadilan sahaja hak setiap manusia akan dipenuhi tanpa mengira agama, kaum, budaya, etnik, status dan latar belakang. Selain itu, keadilan juga akan mewujudkan jaminan keselamatan, kebebasan bersuara pada perkara yang hak, mengiktiraf hak persamaan, menjamin kebajikan sosial, keharmonian masyarakat terjaga, dan kestabilan negara terpelihara. Kesemua jaminan ini terangkum dalam maqasid syariah penjagaan agama, nyawa dan maruah.

### 3.4 Etika Keempat: Pemberitaan Tidak Boleh Dipengaruhi Oleh Kepentingan Peribadi.

Seterusnya kod etika keempat menjelaskan bahawa pemberitaan yang dilaporkan oleh seseorang wartawan tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Di zaman moden ini, norma keagamaan semakin

dinggalkan semata-mata untuk mencapai kepentingan material dan kesenangan hidup. Agama Islam tidak menghalang penganutnya untuk mengecapi kesenangan hidup di dunia, tetapi kesenangan tersebut mestilah dicapai melalui jalan yang benar mengikut ketetapan syarak. Islam meraikan kehendak manusia untuk menjaga kepentingan peribadi selagi mana ia tidak menyalahi syarak (haram). Tindakan yang menyalahi perintah agama untuk mencapai sesuatu kepentingan peribadi seperti rasuah, hadiah atau faedah yang mempunyai kepentingan tertentu perlu dielakkan dalam menjalankan tugas. Sabda Nabi SAW:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ

Terjemahan: "*Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.*"

(Riwayat Ahmad, no. hadis: 6984)

Rasuah bermaksud perantara untuk mencapai tujuan dengan cara pujukan dan pemberian yang bertujuan menegakkan kebatilan (Nurul Syahadah et al., 2023). Manakala maksud rasuah menurut SPRM ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, atau diskaun. Rasuah dikenali dengan pelbagai nama seperti duit kopitiam, wang poket, makan suap, tumbuk rusuk, minyak pelincir, duit bawah meja dan sebagainya (Nurul Syahadah et al., 2023).

Pengamal media perlu menghindari konflik berkepentingan dan situasi peribadi yang akan mempengaruhi pelaporan. Seseorang wartawan perlu menjaga batas hubungan baiknya dengan individu, syarikat atau pemegang taruh berkepentingan agar tidak mempengaruhi maklumat yang bakal disampaikan. Wartawan tidak boleh menerima rasuah, hadiah atau faedah yang boleh mempengaruhi laporan berita secara langsung atau tidak langsung (Kementerian Komunikasi, 2024) kerana amalan tidak beretika ini akan memberi dampak negatif kepada informasi yang bakal disalurkan.

Selain menjauhi amalan rasuah, pihak media juga harus mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi. Wartawan perlu memahami bahawa apabila berlakunya pertembungan antara kepentingan peribadi dan kepentingan umum, maka kepentingan umum perlu diutamakan untuk menjaga kemaslahatan (kebaikan) yang lebih besar. Kaedah fiqh menyebutkan:

## يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Terjemahan: *Ditanggung mudarat khusus bagi menolak mudarat umum*

(Abdul Karim Zaidan, 2001).

Kaedah ini bermaksud apabila bertembung antara maslahah khusus dan maslahah umum, maka maslahah umum perlu diutamakan. Maslahah umum merujuk kepada maslahah umat Islam di Malaysia secara keseluruhannya. Manakala maslahah khusus merujuk kepada kebaikan yang mungkin diperolehi individu atau pihak tertentu. Dalam situasi hari ini, maslahah awam perlu diutamakan (JAKIM, 2016). Kaedah ini meletakkan bahawa satu kemestian untuk mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan peribadi iaitu dengan menjelaskan kepentingan peribadi untuk tujuan melindungi kepentingan awam (Zulkifli al-Bakri, 2022). Secara asasnya, mengutamakan maslahah umum tidak akan menjelaskan kepentingan maslahah khusus yang bersifat individu. Hal ini kerana, maslahah individu juga secara langsung termasuk dalam *maslahah 'ammah* melalui percantuman kepentingan bersama dalam suatu komuniti. Oleh itu, apabila maslahah umum tidak diutamakan maka sudah tentu kemudaratan akan menimpa individu, maka dengan sendirinya maslahah individu juga akan terjejas (Ridzwan, 2008). Sebagai contoh dalam pelaporan berita, pihak media tidak sepatutnya membesar-besarkan (*exaggerating*) sesuatu berita semata-mata untuk mendapat perhatian dan *rating* pembaca atau penonton yang tinggi tanpa mengambil peduli sensitiviti sesuatu pihak. Wartawan profesional perlu sensitif dalam melaporkan sesuatu berita terutama melibatkan isu-isu 3R iaitu kaum, agama dan raja (*race, religion and royalty*), selain perlu berhati-hati dalam pemilihan ayat atau perkataan kerana pelaporan seorang wartawan boleh memberi impak besar kepada masyarakat (Fadzillah Aishah, 2024).

Pengamal media tidak sepatutnya menjadikan realiti semasa sebagai keutamaan melebihi prinsip aqidah dan syarak. Nas mesti memimpin situasi, bukan situasi mendominasi hukum (Jabatan Agama Islam Selangor, 2023). Justeru itu, wartawan tidak sewajarnya mengejar *viral* atau *rating* semata-mata untuk menjaga kepentingan peribadi atau industri, tetapi perkara yang lebih utama perlu dipelihara oleh seseorang wartawan ialah memastikan informasi atau berita yang disampaikan tersebut mampu memberi manfaat dan kebaikan kepada pembangunan dan kemenjadian masyarakat. Perkara inilah yang membezakan antara wartawan profesional dan wartawan warga.

Oleh yang demikian, saranan pihak kerajaan agar setiap wartawan menghindari pelaporan berunsurkan kepentingan dan keuntungan peribadi adalah suatu usaha yang cukup baik dalam melahirkan lebih ramai wartawan bertaraf profesional. Wartawan perlu cakna terhadap kod etika keempat ini agar bidang kerjaya wartawan lebih dihormati oleh masyarakat. Wartawan juga perlu sedar bahawa kod etika keempat ini selari dengan tuntutan agama agar mengutamakan prinsip kebaikan umum berbanding peribadi. Konflik kepentingan peribadi yang mempengaruhi tugas rasmi seperti rasuah perlu dihindari kerana ia merupakan perintah agama yang wajib dipatuhi. Sekiranya kepentingan peribadi diutamakan tanpa mengira halal dan haram serta amalan rasuah menjadi amalan dalam bidang kewartawanan, prinsip keadilan dalam menyampaikan berita tidak dapat direalisasikan. Sikap tidak beretika ini akan memberi kesan buruk kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat di Malaysia dan bertentangan dengan konsep penjagaan nyawa dalam Islam.

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa sekiranya wartawan benar-benar berpegang kepada kod etika keempat ini maka pemeliharaan agama, nyawa dan maruah yang dituntut dalam Islam dapat dipelihara. Hal ini kerana, agama memerintahkan umatnya untuk menjauhi perkara yang haram seperti rasuah dan sebarang salah laku yang boleh memecahbelahkan keamanan masyarakat. Selain itu, wartawan yang berpegang dengan etika ini juga akan dapat mengurus konflik kepentingan peribadi mengikut neraca agama. Garis panduan agama ini akan memberi kefahaman dan kesedaran kepada wartawan tentang kewajipan mencari rezeki halal untuk diri dan keluarga. Konsep keberkatan rezeki dalam Islam ini sangat berkait rapat dengan maqasid syariah kelima iaitu penjagaan harta.

### **3.5 Etika Kelima: Kesahihan Dan Ketepatan Maklumat Perlu Disemak.**

Kod etika wartawan kelima ini menetapkan agar wartawan melakukan pemeriksaan terhadap maklumat yang diperoleh bagi memastikan ianya benar dan tepat. Hal ini penting kerana kesahihan atau kebatilan maklumat yang disampaikan oleh wartawan berupaya mempengaruhi pemikiran, sikap dan tingkah laku masyarakat (Aminuddin et al., 2009). Maklumat yang salah akan mendorong kepada cara berfikir yang salah seterusnya tindakan yang tercela. Adapun maklumat yang betul pula akan membawa kepada cara berfikir yang benar hingga menatijahkan tindakan yang betul. Justeru, memeriksa kesahihan dan ketepatan maklumat merupakan wasilah bagi pemeliharaan akal sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

Islam adalah agama yang mementingkan penggunaan akal untuk memahami sesuatu perkara dengan betul sebelum menterjemahkannya ke dalam bentuk perbuatan (Nur Kamilah et al., 2022). Segala perbuatan manusia mestilah

didasari ilmu dan dipandu akal agar mereka sentiasa di jalan yang benar (Hasbollah & Ramalinggam, 2021). Allah SWT bahkan melarang manusia daripada menuruti sebarang perbuatan secara membuta tuli. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْأُولاً

Terjemahan: “Dan janganlah kamu mengikuti apa yang tidak kamu mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan dipertanggungjawabkan.”

(Surah Al-Isra’, 17: 36)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, jelas menunjukkan bahawa menuruti perbuatan atau percakapan tanpa ilmu ditegah dalam ajaran Islam. Pengabaian terhadap larangan ini dalam bentuk menyebarkan berita yang salah atau berita yang tidak jelas kesahihannya hanya akan menjerumuskan masyarakat kepada kemudaratan. Oleh hal yang demikian, wartawan mesti menjauhkan diri daripada menyebarkan maklumat tanpa usul periksa apatah lagi maklumat palsu yang boleh mengakibatkan pemikiran dan tindakan yang menyimpang daripada kebenaran.

Selain itu, menyemak kesahihan maklumat dapat memelihara akal kerana dengan maklumat yang benar, masyarakat memperoleh gambaran dan kefahaman yang betul tentang suatu perkara (Geetali, 2020). Dengan mengesahkan kesahihan maklumat, wartawan dapat mengelakkan salah tafsiran terhadap fakta dan mencegah penyebaran kandungan palsu atau mengelirukan orang lain. Natijahnya, masyarakat akan meletakkan kepercayaan yang tinggi dan rasa hormat terhadap institusi kewartawanan (Geetali, 2020). Hal ini sekaligus mengekalkan kredibiliti dan autoriti agensi kewartawanan sebagai sumber maklumat rakyat yang boleh dipercayai.

Di samping itu, kod etika kelima ini menyumbang kepada pemeliharaan agama dan maruah. Ini kerana, memeriksa kebenaran berita yang disampaikan oleh orang lain adalah tuntutan agama yang mesti dilaksanakan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَيْأٍ فَبَيِّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا بِجَهَلٍ فَتُصْبِحُوهُ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرٌ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini -

*dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."*

(Surah Al-Hujurat, 49: 6)

Ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa setiap pemberitaan mesti melalui proses semakan kesahihan agar masyarakat terpelihara daripada kesan buruk seperti fitnah akibat berita palsu tersebut. Menurut Che Musa (2014) ayat al-Quran di atas merupakan teras kepada kegiatan kewartawanan dalam memperoleh, dan menyampaikan berita. Hal ini demikian kerana agama Islam memberi penekanan terhadap kesahihan maklumat sebelum disebarluaskan. Maklumat yang tidak benar berisiko mengundang persengketaan dan kebencian seterusnya menggugat kesejahteraan masyarakat.

Masalah terkini yang menjadi isu dalam dunia kewartawanan ialah pelaporan berita tanpa merujuk kepada sumber sahih (Che Musa, 2014) dan membuat laporan tidak lengkap bagi perkara yang penting (Geetali, 2020). Sebagai contoh, penggunaan maklumat dari media sosial sebagai rujukan utama untuk pelaporan berita kepada masyarakat mendedahkan mereka kepada pengolahan, penulisan dan penyebaran maklumat yang tidak tepat. Untuk itu, wartawan mesti mengambil maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai agar maklumat yang diperolehi benar dan tepat (Endro et al., 2024). Kesannya, berita yang disampaikan dapat mendidik masyarakat menggunakan maklumat dengan tepat dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan. Maka jelaslah bahawa wartawan bertindak sebagai agen perubahan yang mencorak sikap dan tingkah laku masyarakat.

Penyebaran berita oleh wartawan yang mengabaikan pemeriksaan terhadap fakta yang diperoleh akan menyebabkan beberapa bentuk kerosakan. Misalnya, maklumat yang mengandungi mesej yang bercanggah dengan agama Islam boleh menyebabkan kekeliruan seterusnya memudaratkan akidah, ibadah atau akhlak masyarakat (Aminuddin et al., 2009). Oleh itu, kod etika ini dilihat berperanan sebagai *sadd az-zara'i* iaitu menutup jalan yang membawa kepada kerosakan (Al-Yubi, 1998). Maka dalam hal ini, pengabaian terhadap pemeriksaan kesahihan maklumat adalah wasilah yang wajib dijauhi kerana membawa kepada risiko dan kemudaratkan kepada perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan penjelasan di atas, implementasi terhadap kod etika kelima menyumbang kepada pemeliharaan akal dan agama. Pematuhan kepada kod etika ini menjadikan para wartawan bertanggungjawab ke atas setiap berita dan maklumat yang disampaikan. Selain itu, ia turut melindungi hak masyarakat sebagai penerima berita untuk mendapatkan maklumat yang sahih

dan bermanfaat (Hamdan, 2008).

### **3.6 Etika Keenam: Wartawan Perlu Menghormati Privasi Dan Kerahsiaan Sumber.**

Kod etika ini menjelaskan bahawa wartawan mestilah menjaga kerahsiaan identiti pemberi maklumat bagi memastikan keselamatannya terjamin (Jabatan Penerangan Malaysia, 2024). Pematuhan kod etika ini membolehkan pemberi maklumat berkongsi maklumat yang sensitif dengan jaminan bahawa identiti mereka kekal sulit tanpa rasa takut akan impak negatif terhadap diri mereka. Di samping itu, perlindungan identiti pemberi maklumat memupuk kepercayaan masyarakat terhadap wartawan kerana individu tersebut merasa lebih selamat terutama ketika mendedahkan perkara melibatkan salah laku atau aktiviti tidak bermoral (Lewis et al., 2022). Dengan demikian, mendedahkan identiti pemberi maklumat akan menjerumuskan ia ke dalam bahaya.

Sehubungan itu, melindungi identiti pemberi maklumat termasuk dalam maqasid syariah memelihara nyawa. Hal ini kerana kod etika ini berperanan memastikan keselamatan dan kesejahteraan pemberi maklumat terjamin sepanjang proses pendedahan maklumat berlaku (Lewis et al., 2022). Syarak memandang penting terhadap kesejahteraan nyawa manusia. Buktinya, agama Islam mensyariatkan beberapa hukum bagi memelihara nyawa termasuklah mewajibkan perkara yang mendatangkan maslahah kepada manusia dan melarang perkara yang mendatangkan mafsadah kepadanya (Al-Yubi, 1998).

Dalam pada itu, Islam meletakkan beberapa garis panduan sebagai wasilah untuk memelihara nyawa manusia. Antara wasilah tersebut ialah menutup segala jalan yang boleh membawa kepada ancaman kehilangan nyawa (Al-Shatibi, 2004). Syarak mengharamkan segala perkara yang boleh mendatangkan mafsadah dan menghilangkan maslahah terhadap nyawa. Bagi mewujudkan maqasid memelihara nyawa ini, Islam menutup semua jalan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan nyawa, termasuklah mengharamkan perbuatan menghunus senjata kepada orang Muslim (Al-Yubi, 1998). Tindakan sebegini menimbulkan ketakutan dan kebencian kepada kedua-dua pihak. Lebih parah lagi, kebencian tersebut membawa kepada pergaduhan hingga mengakibatkan pembunuhan.

Pengharaman menghunus senjata kepada saudara Muslim lain dikategorikan sebagai *sadd az-zara'i* iaitu menutup ruang yang mendorong kepada kemudarat dengan kaedah menghalang perbuatan jahat yang boleh membawa kepada pembunuhan. Menurut Al-Yubi (1998), Islam turut mengharamkan perbuatan jahat yang lebih ringan daripada itu seperti

perbuatan mencaci maki orang lain kerana ia boleh mengakibatkan permusuhan dan pembunuhan. Rentetan itu, syarak mengharamkan segala perbuatan yang menjerumuskan manusia kepada pembunuhan tanpa hak terhadap nyawa yang dipelihara oleh agama. Hal ini termasuklah perbuatan mendedahkan identiti pemberi maklumat yang boleh membawa mudarat terhadap keselamatan nyawanya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sebagaimana perbuatan mengancam nyawa dilarang oleh Syarak, begitulah juga perbuatan mendedahkan identiti pelapor maklumat sehingga menjelaskan kesejahteraan dirinya adalah dilarang. Perkara ini selari dengan kaedah:

الوسائل لها أحكام المقادير

Terjemahan: *Wasilah-wasilah itu mengambil hukum-hukum maqasid*

(Al-Shawi, 2022).

Selain daripada pemeliharaan nyawa, kod etika ini juga dilihat menyumbang kepada pemeliharaan harta manusia. Hal ini kerana ancaman yang dihadapi oleh sumber maklumat bukan sahaja melibatkan nyawa bahkan kadangkala melibatkan harta mereka. Sebagai contoh, pemberi maklumat berisiko mengalami kerosakan harta benda akibat perbuatan khianat pihak yang dilaporkan. Risiko ini perlu ditangani dengan menjaga kerahsiaan identiti pelapor.

Seterusnya, menurut kod etika ini “*jika terdapat alasan yang kukuh atau demi kepentingan awam, wartawan perlulah membuat pertimbangan berpandukan keperluan masyarakat untuk mendapatkan maklumat berbanding kemungkinan berlakunya kemudaratan terhadap sumber tersebut*” (Jabatan Penerangan Malaysia, 2024). Seorang wartawan harus mendedahkan identiti pemberi maklumat apabila dikehendaki oleh undang-undang demi menegakkan kedaulatan undang-undang (Allan, 1991). Namun, menurut Christofoletti (2017) pula wartawan perlu mengutamakan hak privasi pemberi maklumat ketika melaporkan pendedahan mereka bagi memastikan identiti mereka tetap dilindungi dan mengelakkan mudarat ke atas mereka. Laporan maklumat harus dilaksanakan mengikut kerangka undang-undang dan etika untuk melindungi privasi pemberi maklumat dan menggalakkan ketelusan institusi kewartawanan.

Sekiranya seseorang wartawan menghadapi situasi di mana terdapat pertembungan antara kepentingan memelihara privasi sumber dengan kepentingan umum untuk mendapatkan maklumat, justeru pihak wartawan boleh mengadaptasi kaedah fiqh berikut:

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Terjemahan: *Ditanggung kemudaratan yang khusus ditanggung untuk menolak kemudaratan yang umum*

(Al-Sadlan, 1986).

Kemudaratan umum ialah kesan negatif yang melibatkan masyarakat secara keseluruhan. Manakala kemudaratan khusus pula ialah kesan negatif yang melibatkan individu tertentu atau sekumpulan kecil individu sahaja. Menurut Abdul Karim Zaidan (2001), kaedah ini menjelaskan bahawa dalam situasi pertembungan antara kemudaratan umum dengan kemudaratan khusus, kepentingan umum hendaklah dipelihara meskipun terpaksa mengorbankan privasi individu. Kaedah ini boleh diterapkan oleh wartawan dengan menyampaikan maklumat yang penting kepada masyarakat dengan meminimumkan kesan mudarat terhadap individu yang menjadi sumber maklumat. Hal ini selari dengan kaedah:

الضرر يدفع بقدر الإمكان

Terjemahan: *Kemudaratan ditolak semungkin yang boleh.*

(Al-Sadlan, 1986).

Dari sudut yang berbeza, persoalan berkenaan privasi individu yang dilaporkan adalah bersifat kompleks. Hal ini kerana wartawan menghadapi cabaran untuk mengimbangi kepentingan awam bagi mendapatkan maklumat dengan hak individu yang perlu dilindungi identitinya (Christofeletti, 2017). Sebagai contoh, pada tahun 2004, Naomi Campbell memenangi tiga saman terhadap akhbar *British Daily Mirror* kerana telah menceroboh privasinya dengan menyiarkan gambar beliau meninggalkan klinik selepas mesyuarat yang dikaitkan dengan isu narkotik. Akhbar itu telah menerbitkan laporan terperinci mengenai rawatan yang diterima oleh Campbell. Dalam pada itu, hakim memutuskan bahawa akhbar *British Daily Mirror* berhak untuk melaporkan bahawa model itu ketagihan dadah dan sedang menjalani rawatan. Namun, pelaporan dengan menyatakan prosedur rawatan secara terperinci dan menyiarkan gambarnya ketika meninggalkan klinik adalah satu pencerobohan terhadap privasinya (Christofeletti, 2017).

Menurut Hodges (1994), wartawan perlu berhati-hati agar tidak menceroboh hak privasi individu yang dilaporkan secara berlebihan terutama semasa mengumpulkan maklumat. Manakala dalam laporan penulisan, wartawan

seharusnya menilai kelayakan berita tersebut disiarkan untuk pengetahuan masyarakat umum. Beliau turut mencadangkan agar satu garis panduan bagi wartawan melaporkan kehidupan peribadi individu secara beretika diwujudkan.

Dalam situasi di atas, maqasid menjaga kehormatan dan maruah diketengahkan kerana Islam mewajibkan manusia memelihara maruah diri sendiri dan juga maruah individu lain. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ دِمَاءَكُمْ، وَأَمْوَالَكُمْ، وَأَعْرَاضَكُمْ، وَبَشَارَكُمْ، عَلَيْكُمْ حَرَامٌ، كَحُرْمَةً يَوْمَكُمْ هَذَا، فِي شَهْرٍ كُمْ هَذَا  
فِي بَلْدَكُمْ هَذَا

Terjemahan: “Sungguh darah kalian, harta kalian, maruah kalian dan kulit kalian merupakan kesucian bagi kalian, sebagaimana kesucian hari kalian ini, pada bulan kalian ini dan di negeri kalian ini.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 6667)

Hadis di atas menjelaskan bahawa maruah perlu dipelihara sebagaimana pemeliharaan terhadap nyawa dan harta diambil kira.

Kesimpulannya, wartawan perlu mengambil cakna akan privasi dan kerahsiaan sumber dalam melaporkan berita kerana Islam mewajibkan umatnya menjaga kesejahteraan nyawa individu dan masyarakat awam. Segala perkara yang boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan pemberi maklumat, individu tertentu bahkan orang awam adalah dilarang. Pematuhan wartawan terhadap kod etika ini juga menyumbang kepada pemeliharaan harta dan maruah manusia.

### 3.7 Etika Ketujuh: Wartawan Perlu Memahami Undang-Undang, Akta Dan Polisi Yang Berkaitan Dengan Ruang Lingkup Tugas Mereka.

Di Malaysia, wartawan diberikan ruang untuk membuat liputan berita dengan mematuhi undang-undang negara. Ini bagi memastikan wartawan jelas tentang had dan sempadan dalam penyiaran berita kepada orang awam (Aminuddin et al., 2009). Kefahaman terhadap undang-undang menjadikan seseorang wartawan itu mempunyai kesedaran untuk patuh kepada undang-undang tersebut. Jika ditinjau daripada aspek kepatuhan pula, penetapan undang-undang berkaitan kewartawanan bertujuan menjamin kemaslahatan rakyat yang mana bertepatan dengan kaedah fiqh:

## تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: *Tindakan pemerintah mestilah berdasarkan kepada maslahah terhadap rakyat*

(Abdul Karim Zaidan, 2001).

Kaedah ini menyarankan usaha yang dilaksanakan oleh pemerintah kepada rakyat mesti berpaksikan kebaikan dan maslahah. Dalam konteks ketetapan undang-undang dan peraturan berkenaan gerak kerja wartawan, pemerintah berhak membuat undang-undang yang mendatangkan kemaslahatan kepada rakyat yang berada di bawah pentadbirannya. Maka, mentaati perundangan negara adalah wajib bagi menjaga kesejahteraan masyarakat. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الْمُّذِينَ إِذَا مَنَّا لَكُمْ فَلَا تُطْبِعُوا أَطْبِعُوا اللَّهُ وَآتَيْتُمُوهُ الْأَرْسَلَ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَّعُُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَيَّ  
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ هَذِهِ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ ثَوْبًا

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

(Surah al-Nisa', 4: 59)

Terjemahan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa ketataan terhadap pemerintah atau *ulul amri* adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim. Hal ini termasuklah mematuhi sistem perundangan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah di sebuah negara. Antara undang-undang, akta dan polisi berkait dengan kewartawanan ialah Akta Fitnah 1957, Akta Mesin Cetak 1948, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1948, Akta Kawalan Kemasukan Bahan-Bahan Bercetak 1958, Akta Rahsia Rasmi 1972 (pindaan 1986), Akta Hak Cipta 1987, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Kanun Keseksaan (Aminuddin et al., 2009; Majlis Media Malaysia, n.d.). Kesemua akta, undang-undang dan polisi ini bertujuan mengelakkan wartawan daripada menyebarkan maklumat yang boleh mengancam ketenteraman masyarakat dan negara. Sebagai contoh, penggubalan Akta Hak Cipta 1987 bertujuan menghalang penyalahgunaan karya asli oleh golongan yang berniat

mendapatkan keuntungan dengan jalan mudah (Majlis Media Malaysia, n.d.). Antara karya yang dikategorikan sebagai hak cipta ialah karya sastera, muzik, seni, filem, rakam bunyi dan siaran (Akta Hak Cipta, 1987).

Islam mengiktiraf pemilikan hak cipta sesuatu karya sebagai harta intelek yang perlu dipelihara. Pemeliharaan harta intelek termasuk dalam kategori maqasid memelihara harta. Hal ini kerana maksud harta menurut syarak tidak terbatas kepada barang dan wang semata-mata, namun ia merangkumi perkara yang mampu merealisasikan maslahah yang diiktiraf oleh syarak (Al-Yubi, 1998). Harta intelek merupakan harta yang menyumbang kepada kebaikan dan keuntungan kepada manusia. Syarak menuntut manusia agar memelihara harta kerana manusia memerlukannya untuk kelangsungan hidup yang sejahtera di dunia dan akhirat. Tambahan pula, syarak melarang sebarang perbuatan berbentuk pencerobohan terhadap harta orang lain (Al-Yubi, 1998). Hal ini selari dengan firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِإِلْبَطْلِ وَثَدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَمَ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ أَنَّاسٍ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(Surah al-Baqarah, 2: 188)

Kesimpulannya, kod etika ketujuh ini mendidik wartawan agar tidak melampaui batas dalam memanfaatkan kebebasan media yang diberikan agar kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara terjamin. Selain itu, pematuhan terhadap akta dan undang-undang menyumbang kepada pembentukan karakter wartawan profesional dan berintegriti. Pada masa yang sama, kod etika ini menyumbang kepada pemeliharaan maqasid syariah kelima iaitu memelihara harta.

### 3.8 Etika Kelapan: Wartawan Perlu Memberikan Keutamaan Untuk Meningkatkan Kemahiran Kewartawanan Secara Berterusan.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, wartawan berperanan sebagai agen perubahan kerana penyampaian maklumat berpotensi membimbing pemikiran dan tindakan masyarakat. Melihat kepada signifikan peranan tersebut, wartawan perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran kewartawanan secara konsisten. Menurut Lee et al., (2021) pengetahuan dan kemahiran wartawan memberi pengaruh terhadap tindakan pemprosesan

maklumat untuk diterjemahkan ke dalam bentuk berita. Ini kerana suatu kejadian atau entiti tidak memiliki sebarang makna sehingga wartawan menjadikannya berita yang bernilai. Wartawan memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki untuk mengolah dan mempersembahkan berita berkualiti kepada khalayak awam. Ini bertepatan dengan pendapat Donsbach (2004) yang menyatakan bahawa hasil pengeluaran dalam bentuk penulisan berupaya memandu arah tanggapan dan kefahaman masyarakat. Oleh itu, amat penting bagi wartawan menuntut ilmu dan membangunkan kemahiran bagi merealisasikan tujuan mulia tersebut.

Antara kemahiran yang perlu dipelajari oleh wartawan ialah kemahiran memeriksa fakta untuk mengesahkan maklumat (Himma-Kadakas & Ojamets, 2022), kemahiran menterjemahkan maklumat saintifik yang kompleks ke dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat (Urycki & Wearden, 1998), kemahiran menepis manipulasi media, kemahiran menghasilkan kandungan media yang bersesuaian dengan pelbagai lapisan masyarakat (Zalina et al., 2015), kemahiran menulis berita (Kanihan et al., 2003; Hodgson & Wong, 2011), dan kemahiran ICT (Hryvko et al., 2020). Kesemua kemahiran ini penting bagi memerangi maklumat palsu dan salah tafsir dalam pelaporan seterusnya menyumbang kepada masyarakat celik dan berliterasi (Urycki & Wearden, 1998; Himma-Kadakas & Ojamets, 2022). Usaha bagi meningkatkan segala bentuk kemahiran perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi membolehkan media tempatan terus relevan dalam situasi perkembangan teknologi. Hal ini kerana masyarakat kini meletakkan fokus kepada laporan berita yang cepat dan tepat seperti berita yang disiarkan secara atas talian (Lee et al., 2021).

Jika dilihat daripada perspektif maqasid syariah, mempersiapkan diri dengan ilmu kewartawanan yang mencukupi merupakan cara merealisasikan pemeliharaan akal. Semua agama secara amnya dan agama Islam secara khusus memberi perhatian besar kepada penjagaan akal. Buktinya, perkataan akal telah dinyatakan sebanyak 40 kali di dalam al-Quran (Muhammad Fuad, 1998). Akal berperanan sebagai wasilah untuk merenung dan meneliti ayat-ayat Allah serta mengambil pengajaran daripadanya. Akal juga adalah alat untuk mencapai manfaat dan menjaga diri daripada kemudaratan (Al-Yubi, 1998).

Di samping itu, wartawan memainkan peranan dalam memangkin pemeliharaan akal masyarakat. Hal ini dicapai dengan menyampaikan mesej yang membentuk fikiran murni dan membina intelek sebagai contoh menyiarkan rancangan berdasarkan pendidikan (Aminuddin et al., 2009). Segala rancangan dan berita yang mendatangkan manfaat kepada pemikiran khalayak merupakan kaedah bagi memelihara intelek manusia. Natijahnya,

lahirlah masyarakat yang bertindak rasional selari dengan lunas agama.

Kesimpulannya, wartawan perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran sebanyak mungkin bagi memastikan maqasid penjagaan akal terpelihara. Penjagaan agama, nyawa, keturunan dan harta memerlukan kepada akal yang sejahtera. Dalam pada itu, wartawan yang berpengetahuan dan berakhhlak mulia berupaya menyediakan maklumat yang memandu masyarakat ke arah kebaikan.

Berdasarkan dapatan di atas, satu ringkasan analisa telah dihasilkan bagi menjelaskan elemen maqasid syariah (*daruriyyat*) yang terdapat dalam Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 sebagaimana jadual di bawah:

**Jadual 1** Taburan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 berdasarkan maqasid syariah (*daruriyyat*).

Maqasid Syariah ( <i>daruriyyat</i> )	Kod Etika Wartawan Malaysia 2024
Agama	Kod etika 1, 2, 3, 4, 5
Nyawa	Kod etika 1, 2, 3, 4, 6
Akal	Kod etika 1, 5, 8
Keturunan/ maruah	Kod etika 1, 2, 3, 4, 6
Harta	Kod etika 1, 2, 4, 6, 7

Sumber: Analisis Pengkaji

#### 4. KESIMPULAN

Kajian semasa menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf peranan bidang kewartawanan dalam membangunkan masyarakat dan negara. Sememangnya bidang kewartawanan akan sentiasa relevan kerana keperluan masyarakat terhadap maklumat sentiasa ada. Selain itu, penetapan lapan Kod Etika Wartawan Malaysia 2024 adalah selari dengan pemeliharaan maqasid syariah *daruriyyat* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Pematuhan sepenuhnya kepada kod etika ini akan mendatangkan kebaikan dan menjauhkan keburukan terhadap individu wartawan dan masyarakat umum. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kod etika wartawan yang diwujudkan adalah selari dengan beberapa kaedah fiqh yang berkisar tentang menolak kemudaratan, mengutamakan maslahah umum ke atas maslahah khusus, maslahah dalam arahan pemerintah, sikap tergesa-gesa membawa kepada kerugian, wasilah mengambil hukum maqasid, dan konsep mencegah kemudaratan (*sadd az-zara'i*). Kajian ini signifikan dalam memberikan kefahaman kepada para wartawan berkaitan kepentingan mematuhi kod etika yang bukan sahaja menjadi tuntutan pemerintah, bahkan ia turut merupakan tuntutan agama. Hal ini secara tidak langsung akan membendung penyebaran maklumat palsu. Malahan ia turut menjamin kemenjadian warganegara secara

holistik, memastikan keamanan negara terpelihara seterusnya kehormatan agama terjaga. Kesimpulannya, etika kewartawanan memainkan peranan penting dalam landskap media untuk memastikan wartawan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, mengekalkan kredibiliti wartawan di mata masyarakat dan mempromosikan nilai mulia kepada masyarakat. Namun begitu, kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan hanya meneliti rujukan bertulis berkaitan etika kewartawanan menurut perspektif Islam daripada aspek pemeliharaan maqasid syariah. Sehubungan itu, pengkaji menyarankan agar kajian akan datang meneliti sejarah kewartawanan dalam Islam dan penggubalan kod etika kewartawanan luar negara daripada perspektif maqasid syariah.

## 5. RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz fi Syarh al-Qawaaid al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Mu'assasah al-Risalah: Beirut.
- Abdul Mukti, B. (2019). Peranan akal dalam mengenali Allah SWT: Kajian terhadap Surah al-Nahl. *Jurnal Pengajian Islam KUIS*, bil 12 (2), 62-79.
- Abdullah, b.-R. (2003). *Taudih al-Ahkam min Bulugh al-Maram*. Makkah: Maktabah al-Asadi.
- Afifa Rangkuti., & SH. M. Hum. (2017). Konsep keadilan dalam perspektif Islam. *Tazkiya, Jurnal Pendidikan Islam UIN Sumatera Utara Medan*, vol.6, 1-21.
- Akta Hak Cipta, Bahagian II (1987). <https://www.kpdn.gov.my/images/dokumen/awam/perundangan/24-bm-Akta-Hak-Cipta-1987-sehingga-1-7-2012.pdf>
- Allan, T. (1991). Disclosure of Journalists' Sources, Civil Disobedience and the Rule of Law. *Cambridge Law Journal*, 131-162.
- Al-Sadlan, S. (1986). *Al-Qawai'd al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Riyadh: Dar al-Balansiyah.
- Al-Shatibi, A.-L.-G. (2004). *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shawi, M. (2022). *Al-Tuhfah Al-Makkiyyah fi Taudih Ahamm al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Awqaf Sheikh Muhammad bin Soleh al-Shawi.
- Al-Yubi, M. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha Bi al-Adillah al-Shar'iyyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Aminudin, B@ A., Mohamad Sabri, H., & Nik Yusri, M. (2009). Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia*, bil. 2, 65-82.
- Che Musa, C. (2014). Etika Kewartawanan Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 1-16.
- Christofoletti, R. (2017). Privacy As An Alterity Problem Dimension: Analysis Of Ten Journalism Dictionaries. *Brazilian Journalism Research*, 90-113.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1 Julai, 2024). Carian Umum. Retrieved from  
Dewan Bahasa dan Pustaka:  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=telus>

Donsbach, W. (2004). Psychology of News Decisions: Factors Behind Journalists Professional Behavior. *Journalism*, 131-157.

Endro, S., Sy. Nurul Shobah, Sitti Syahar Inayah, & A. Rivai Beta. (2024). Analisis Persepsi Wartawan Terhadap Nilai-Nilai Jurnalisme Kenabian dalam Uji Kompetensi Wartawan. *Jurnal Kolaboratif Sains*, 1942-1950.

Fadzillah Aishah, I. (27 Mei 2024). Etika pemisah antara wartawan profesional dan wartawan jadian. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2300887>

Geetali, T. (2020). The Study and Importance of Media Ethics. *International Journal of Disaster Recovery and Business Continuity*, 448-466.

Greste, P. (2023). Defining Journalism: How a New Approach to a Definition Could Revolutionize Media Freedom. *Australian Journalism Review*, 27-36.

Habannakah al-Maidani, A. (1993). *Dawabit al-Ma'rifah wa Usul al-Istidlal wa al-Munazarah*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Habannakah al-Maidani, A. (2014). *Ma'arij al-Tafkir wa Daqa'iq al-Tadabbur*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Hamdan, D. (2008). Kode Etik Jurnalistik Dan Kebebasan Pers Di Indonesia Ditinjau Dari Perspektif Islam. *Jurnal Penelitian Agama*, 296-313.

Hasbollah, M.S., & Ramalinggam, R. (2021). Maqasid memelihara akal (hifz al-'aql) dan hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Islamiyyat Universiti Kebangsaan Malaysia*, bil 43 (Isu khas), 93 – 104.

Himma-Kadakas, M., & Ojamets, I. (2022). Debunking False Information: Investigating Journalists' Fact-Checking Skills. *Digital Journalism*, 866-887.

Hodges, L. (1994). The Journalist and Privacy. *Journal of Mass Media Ethics*, 197-212.

Hodgson, P., & Wong, D. (2011). Developing Professional Skills in Journalism through Blogs. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 1-19.

Hryvko, A., Sytnyk, O., & Zhuk, Y. (2020). Exploring Students' Views on ICT Skills as the Components of Journalists' Professional Competence. *EDM aspect CEUR Workshop Proceedings*, (pp. 934-947).

Ibnu Kathir. (2008). *Tafsir Ibnu Kathir* (3). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Jabatan Agama Islam Selangor. (2023). Fiqh semasa: Konsep dan aplikasinya. [https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA\\_new.pdf](https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA_new.pdf).

Jabatan Mufti Negeri Perlis. (11 November 2022). Islam menuntut umatnya berintegriti.

[file:///C:/Users/L%20E%20N%20O%20V%20O/Downloads/ISLAM%20MENUNTUT%20UMATNYA%20BERINTIGRITI%201%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/L%20E%20N%20O%20V%20O/Downloads/ISLAM%20MENUNTUT%20UMATNYA%20BERINTIGRITI%201%20(1).pdf)

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (24 Novemver 2016). Irsyad al-hadith siri ke-142: Niat seorang mukmin lebih baik daripada amalannya. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1439-irsyad-al-hadith-siri-ke-142-niat-seorang-mukmin-lebih-baik-daripada-amalannya>

Jabatan Penerangan Malaysia. (2024). *Kod Etika Wartawan Malaysia*. Putrajaya: Idaman Print Sdn Bhd.

JAKIM. (2016). Melantik orang bukan Islam sebagai Peguam Syarie. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12541>

Jarvis, S., Stroud, N. J., & Gilliland, A. A. (2009). College Students, News Use, and Trust. *Communication Research Reports*, 30-39.

Kanihan, S., Neuzil, M., & Bunton, K. (2003). Longitudinal Effects of Ability Groups on News Writing. *Journalism & Mass Communication Educator*, 120-130.

Kementerian Komunikasi Malaysia. (2024). *Kod etika wartawan Malaysia*. [https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/others/kod\\_etika\\_wartawan/mobile/index.html](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/others/kod_etika_wartawan/mobile/index.html)

Kementerian Komunikasi. (2024). *Portal Rasmi Kementerian Komunikasi*. Retrieved from Kod Etika Wartawan Malaysia Dilancar: <https://www.komunikasi.gov.my/program-semasa/25410-kod-etika-wartawan-malaysia-dilancar>

Lee, K., Siti Suriani, O., & Liana, M. (2021). Komitmen Organisasi: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Wartawan Dalam Penerbitan Berita Akhbar Cetak Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 46-59.

Lewis, J., Bowers, J., Fodder, M., & Mitchell, J. (2022). *Whistleblowing: Law and Practice (4th edn)*. United Kingdom: Oxford University Press.

Majlis Media Malaysia. (n.d.). Retrieved from <https://mpi.my/majlis-media-malaysia-2/etika-kewartawanan-malaysia>

Megat Ayop, M.A., & Abd. Halim, A. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space*, bil. 9, 138 – 149.

Mohamad Zaid, M.Z., Mohd Syahiran, A.L., Nurfahiratul Azlina, A., & Rohaya, S. (2022). Integriti Islam dalam tenaga kerja Muslim profesional. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, vol. 13, 388-391.

Muhammad Hafizuddin, G. (2021). Konsep dan amalan integriti dalam pelaksanaan pembangunan Nabi Sulayman A.S.: Analisis ayat-ayat terpilih. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, vol. 6, 300-309.

Muhammad Fuad, A. (1998). *Al-Mu'jam al-Mufahras Lil Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Muhammad Syahir, A.B., Wan Fariza Wan Alyati, W.Z., & Kamaruddin, S. (2017). Keperluan nilai dan integriti terhadap para muhtasibdi Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah KUIS*, bil 2, 236-249.

Nor Zaliza, S., & Hamed, M. (2022). Memahami Etika dan Kegunaan Etika Kewartawanan oleh Wartawan Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 29-51.

Nur Kamilah, K., Mohd Anuar, R., & Raihana, A. (2022). *Tali Pusat dan Plasenta Perspektif Perubatan, Lotus Birth, Adat Melayu dan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nurul Syahadah, M. R., Mohd Farhan, M. A., & Muhammad Safwan, H. (2023). Rasuah dalam Perspektif Hadith: Hukuman dan Penguatkuasaan. *Jurnal 'Ulwan (Edisi Khas): Psikologi dan Kelestarian Ummah*, bil. 2, 1-15.
- Ridzwan, A. (2008). Metode Pentarjihan Maslahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Syariah Universiti Malaya*, bil 1, 107-143.
- Syaiful Muhyidin. (2019). Konsep keadilan dalam Al-Quran. *Al-Riwayah: Jurnal Kependidikan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sorong*, bil 1, 89-108.
- Urycki, D., & Wearden, S. (1998). Science Communication Skills of Journalism Students. *Newspaper Research Journal*, 64-77.
- Zalina, F., Sergey, G., & Igor, N. (2015). Journalistic Education: Conceptualization and Media Competences. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 107-114.
- Zulkifli al-Bakri. (28 Julai 2022). Penambahbaikan SOSMA: Antara Fiqh dan realiti. <https://zulkiflialbakri.com/7-penambahbaikan-sosma-antara-fiqh-dan-realiti/>

#### **Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.